

Hutang negara bukan RM1 trilion

BH 21 APR 2001

KOTA BHARU, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan pembangkang di Parlimen baru-baru ini kononnya Malaysia mempunyai hutang berjumlah RM1 trilion.

“Saya hendak tahu macam mana mereka boleh dapat jumlah itu. RM1 trilion bersamaan dengan RM1,000 bilion. Suatu angka yang besar,” katanya selepas merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 peringkat kebangsaan di sini.

Beliau berkata demikian

ketika diminta menghurai ucapan perasmianya mengenai soal hutang itu.

Sambil menjelaskan hutang negara yang dibuat kerajaan dan swasta berjumlah tidak sampai RM100 bilion, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mempunyai masalah untuk membayar balik hutangnya.

“Ada masa kita bayar balik hutang walaupun tempoh bayaran belum sampai,” katanya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata walaupun kerajaan

berusaha menyusun semula masyarakat dan mengagihkan kekayaan dan membangunkan negara, hutang negara ini tidak begitu besar.

Beliau berkata, negara berjaya melakukannya tanpa hutang terlalu banyak daripada luar negara.

“Keupayaan negara mengurus ekonomi dan hutangnya menyebabkan Malaysia tidak perlu berhutang dengan pihak lain termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika kegawatan ekonomi dahulu,” katanya.